



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

JK/MP 16/2

Oktober 2011

27

Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Seluruh Malaysia

Semua Majistret
Seluruh Malaysia

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PEMAKAIAN BORANG 40 JADUAL KEDUA DI BAWAH SEKSYEN 391 KANUN
PROSEDUR JENAYAH (AKTA 593)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bersama Jabatan Penjara Malaysia telah mengadakan perjumpaan secara berkala bagi membincangkan isu-isu dan permasalahan untuk penambahbaikan antara kedua-dua pihak.

3. Antara isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Penjara adalah terdapat mahkamah yang tidak mengeluarkan Borang 40, Jadual Kedua dibawah seksyen 391 KPJ (Akta 593) apabila membuat perintah untuk membebaskan Orang Kena Tuduh dari penjara. Ini telah menimbulkan kesukaran bagi pihak penjara untuk membebaskan Orang Kena Tuduh tersebut apabila mendapat perintah dari mahkamah.


...2/-

4. Oleh yang demikian, Y.Bhg Dato' / Datin / Tuan / Puan hendaklah mematuhi pemakaian Borang 40, Jadual Kedua dibawah seksyen 391 KPJ (Akta 593) bagi mengelakkan sebarang kesukaran kepada pihak Penjara untuk membebaskan Orang Kena Tuduh. Kerjasama Y. Bhg Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah saya hargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

+603 8880 3782
+603 8880 3886
cr@kehakiman.gov.my

- s.k
1. YAA Ketua Hakim Negara
 2. YAA Presiden Mahkamah Rayuan Malaysia
 3. YAA Hakim Besar Malaya
 4. YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
 5. Timbalan Ketua Pendaftar
 6. Pendaftar Mahkamah Rayuan
 7. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
 8. Pengarah Mahkamah Negeri